

لَأَبِي فَعَرَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ نَمِيلٌ فَتَكَصَّرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى عَقَبَيْهِ الْقَهْقَرَى فَخَرَجَ وَخَرَجْنَا

مَعَهُ

3999 - `Abdaan<sup>164</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah (bin al-Mubarak) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus (bin Yazid al-Aili) meriwayatkan kepada kami. (Kata Imam Bukhari) Ahmad bin Saleh (bin Abi Ja'far al-Mishri) juga meriwayatkan kepada kami, katanya: `Anbasah (bin Khalid)<sup>165</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus (bin Yazid al-Aili) meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri (Muhammad bin Muslim), katanya: `Ali bin Husain (bin `Ali bin Abi Thalib) meriwayatkan kepada kami bahawa Husain bin `Ali (bin Abi Thalib) meriwayatkan kepadanya, sesungguhnya `Ali bin Abi Thalib r.a.¹⁶⁶ bercerita, katanya: "Pada hari Badar aku mendapat seekor unta betina¹⁶⁷ daripada ghanimah (harta rampasan perang). Rasulullah s.a.w. memberikan kepadaku (seekor lagi unta betina)¹⁶⁸ pada hari yang sama daripada (harta) khumus.¹⁶⁹ Bila aku hendak berkahwin dengan Fathimah r.a., aku

¹⁶⁴ Nama sebenar guru Imam Bukhari ini ialah `Abdullah bin `Utsman bin Jabalah al-Azdi ak-Marwazi. Kuniah beliau ialah Abu `Abdir Rahman. Nama sebenarnya dipinda sehingga menjadi `Abdaan. Demikianlah kata Hafiz Ibnu Hajar. Kata Hafiz Ibnu Thahir, nama sebenar beliau ialah `Abdullah dan kuniahnya Abu `Abdir Rahman. Daripada nama sebenarnya diambil perkataan عبد dan daripada kuniahnya juga diambil perkataan عبد, maka jadilah dua عبد. Dari situlah dijadikan perkataan tatsniah عبدان dan beliau lebih masyhur dengan nama pindaan ini. `Abdaan meninggal dunia pada tahun 221 Hijrah.

¹⁶⁵ Beliau ialah anak saudara Yunus bin Yazid al-Aili.

¹⁶⁶ Imam Bukhari meriwayatkan hadits `Ali ini melalui dua thuruq (saluran riwayat). Pertama daripada `Abdaan daripada `Abdullah bin al-Mubarak daripada Yunus bin Yazid al-Aili. Kedua ialah daripada Ahmad bin Saleh bin Abi Ja'far al-Mishri daripada `Anbasah bin Khalid daripada Yunus bin Yazid al-Aili. Pada Yunus bin Yazid bertemu kedua-dua sanad. Adapun sanad di atas daripada Yunus hingga kepada Sayyidina `Ali sama saja.

¹⁶⁷ شارف ialah unta betina muda yang baru berumur satu tahun. Kebanyakan ahli bahasa `Arab berpendapat ia adalah perkataan yang digunakan khusus untuk unta betina. Walaupun lafaznya muzakkar ia tidak digunakan untuk unta jantan. Tetapi menurut al-Ashma'i, ia boleh juga digunakan untuk unta jantan.

¹⁶⁸ Maf'ul kedua bagi أعطاني (محذوف) dibuang. Taqdirnya ialah شارفا. Apa yang tersebut di dalam kurungan di dalam terjemahan di atas adalah berdasarkan apa yang ditaqdirkan tadi. Di bawah باب أعطاني شارفا من الخمس memang tersebut pun apa yang ditaqdirkan itu. Lafaznya begini: أعطاني شارفا من الخمس (Nabi s.a.w. memberikan kepadaku seekor lagi unta betina).

¹⁶⁹ Maksudnya ialah setelah menang dalam peperangan Badar dan harta rampasan perang (ghanimah) diperolehi, Nabi s.a.w. mengeluarkan satu per lima (khumus) daripadanya untuk

berjanji dengan seorang tukang emas Bani Qainuqaa' untuk pergi mengambil rumput idzkhir bersamaku. Tujuannya ialah untuk menjualnya kepada tukang-tukang emas dan hasilnya digunakan untuk majlis kenduri kahwinku. Aku pulang setelah selesai mengumpulkan pelana, guni, tali dan lain-lain barang kelengkapan kedua ekor untaku yang sedang duduk di sebelah rumah seorang lelaki Anshaar. Tahu-tahu bonggol kedua ekor untaku telah terpotong, perutnya pula terbelah. Hati kedua-duanya sudah tiada, diambil orang. Apabila melihat keadaan unta-unta itu, tidak dapat lagi aku mengawal kedua mataku (aku terus menangis). Aku bertanya (orang-orang di situ): "Siapakah orangnya yang telah berbuat begini?" Jawab mereka: "Hamzah bin 'Abdil Mutthalib. Dia bersama sekumpulan orang-orang Anshaar sedang minum arak di dalam rumah itu. Tadi ada seorang penyanyi wanita mendendangkan lagu untuknya dan rakan-rakannya. Tibatiba di dalam lagunya, penyanyi wanita itu berkata: "Oh Hamzah! Pergilah kepada unta-unta betina muda yang gemuk-gemuk itu!!"¹⁷⁰ Hamzah terus melompat kepada kedua

diberikan kepada orang-orang yang berhak seperti tersebut di dalam ayat 41 Surah al-Anfaal. Sementara empat per lima lagi dibahagi-bahagikan kepada para sahabat yang terlibat dalam peperangan. Saiyyidina 'Ali sendiri sebagai salah seorang yang terlibat dalam peperangan itu telah mendapat habuannya berupa seekor unta betina daripada empat per lima harta rampasan perang. Nabi s.a.w. menambahkan pula kepadanya seekor lagi unta betina daripada satu per lima (khumus) harta rampasan perang. Kerana beliau juga termasuk dalam senarai orang-orang yang berhak menerima sesuatu daripada satu per lima (khumus) harta rampasan perang. Hadits ini merupakan dalil yang terang menunjukkan hukum khumus juga diturunkan oleh Allah pada hari Badar. Ibnu Batthaal menulis: "Zahir hadits ini menunjukkan hukum khumus disyariatkan dalam peristiwa Badar." Inilah pendapat Ibnu at-Tiin, Hafiz Ibnu Hajar dan jumhur 'ulama'. Kata Ibnu at-Tiin: "Di dalam hadits ini terdapat dalil yang menunjukkan bahawa ayat khumus turun pada hari Badar. Kerana tidak ada harta ghanimah yang diperolehi sebelum perkahwinan 'Ali dan Fathimah kecuali pada hari Badar." Berbeza dengan pendapat Abu 'Ubaid, kerana beliau berpendapat hukum khumus baru dilaksanakan selepas peristiwa Badar. Daripada harta rampasan perang Badar sendiri tidak dikeluarkan khumus. Ibnu Ishaq juga berpendapat, seekor unta betina yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada 'Ali itu bukan daripada harta rampasan perang pada hari Badar. Ia sebenarnya daripada harta rampasan perang satu pasukan tentera pimpinan 'Abdullah bin Jahsyin yang dihantar oleh Rasulullah s.a.w. ke Nakhlah pada tahun kedua Hujrah sebelum perang Badar. Itulah ghanimah yang mula-mula sekali diperolehi umat Islam. Tetapi Rasulullah s.a.w. baru memberikannya selepas perang Badar. Pendapat jumhur 'ulama' bagaimanapun lebih mantap, kerana ia bersandarkan riwayat yang sahih. Antaranya ialah hadits 3999 di atas.

¹⁷⁰ Lagu yang didendangkan oleh penyanyi wanita seperti tersebut di dalam hadits ini sebenarnya telah diubah suai daripada tiga rangkap sya'ir. Apa yang disebutkan itu adalah bahagian pertama (الشطر الأول) daripada bait permulaannya. Sya'ir itu selengkapnya adalah seperti berikut:

unta itu dengan pedang (di tangannya). Lantas ia memotong bonggol, membelah perut dan mengeluarkan hatinya. Berkata `Ali: “Aku terus pergi kepada Rasulullah s.a.w. Pada ketika itu Zaid bin Haaritsah ada di samping Baginda s.a.w. Nabi s.a.w. perasan akan kesedihan yang dialamiku. Beliau s.a.w. bertanya: “Kenapa kamu?” Aku menjawab: “Tidak pernah ku lihat pemandangan yang mendukacitakan seperti hari ini. Hamzah telah menceroboh kedua ekor untaku. Dia telah memotong bonggol dan membelah perut kedua-duanya. Dia sekarang sedang berada di sebuah rumah. Bersama-samanya ada beberapa orang yang sedang minum arak. Setelah meminta kain selimut dan memakainya, Nabi s.a.w. terus pergi dengan berjalan kaki. Aku dan Zaid ikut pergi mengiringinya hingga sampai ke rumah di mana Hamzah berada. Nabi s.a.w. meminta izin untuk masuk ke dalam rumah (berkenaan). Setelah dibenarkan masuk, Baginda s.a.w. terus mencela Hamzah atas perbuatannya. Hamzah ketika itu sedang mabuk. Matanya merah. Hamzah memandang kepada Nabi s.a.w. Diangkatnya perlahan-lahan pandangannya dari lutut hingga ke muka. Kemudian dia berkata: “Kamu semua bukan orang lain, hanyalah hamba-hamba (anak buah) ayahku!” Dengan itu sedarlah Nabi s.a.w.

أَلَا يَا حَمْزُ لِلشُّرْفِ النَّوَاءِ ◊ وَهَنْ مُعْقَلَاتٍ بِالفَنَاءِ

Oh Hamzah! Pergilah kepada unta-unta betina muda yang gemuk-gemuk itu. Ia sedang terikat di halaman rumah.

ضَعِ السَّكِّينَ فِي اللَّيَّاتِ مِنْهَا ◊ وَضَرِّجْهُنَّ حَمْرَةً بِالدَّمَاءِ

Letaklah pisau di lehernya. Wahai Hamzah! Biarlah ia berlumuran dengan darah.

وَعَجِّلْ مِنْ أَطْيَابِهَا لِشَرْبِ ◊ قَدِيدًا مِنْ طَبِيخِ أَوْ شِوَاءِ

Cepatlah bawakan daging-dagingnya yang elok untuk orang-orang yang sedang minum arak ini.

Sama ada dengan dipanggang atau digoreng.

Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baarinya berkata, al-Marzubaani di dalam Mu'jam as-Syu'araa'nya menulis, sya'ir ini adalah hasil gubahan `Abdullah bin as-Saa'ib al-Makhzumi. Hafiz Ibnu Hajar kemudiannya menimbulkan kemusykilan bahawa di dalam riwayat ini orang-orang yang sedang minum arak bersama Hamzah di dalam rumah itu dikatakan dari kalangan Anshaar. Sedangkan `Abdullah bin as-Saa'ib al-Makhzumi bukan orang Anshaar. Lalu beliau sendiri menjawab bahawa mungkin juga orang-orang yang hadir di dalam majlis itu dikatakan Anshaar secara taghlib. Tujuan penyanyi wanita itu berkata begini di dalam lagunya ialah untuk mendorong Hamzah menyembelih unta supaya dagingnya dapat dihidangkan kepada orang-orang yang hadir di rumah tersebut. Hamzah sememangnya pemurah. Apabila dikata begitu, teruslah ia melompat ke arah unta-unta yang dimaksudkan dengan pedang yang terhunus. Lalu dipenggalnya bonggol kedua-dua ekor unta dan dibelah perutnya serta diambil hati-hatinya.

bahawa Hamzah benar-benar sedang mabuk.¹⁷¹ Maka berundurlah Baginda s.a.w. Lalu keluar (dari situ). Kami juga turut keluar bersama Baginda.”¹⁷²

¹⁷¹ Pada ketika peristiwa ini berlaku, hukum haramnya arak belum lagi diturunkan Allah. Apa yang dilakukan dan diucapkan oleh Hamzah semuanya dalam keadaan beliau mabuk. Berdasarkan riwayat Ibnu Abi Syaibah, setelah sadar dari kemabukan, Hamzah diminta Rasulullah s.a.w. supaya membayar ganti rugi kepada `Ali. Dan Hamzah membayarnya. Riwayat 3999 di atas menyatakan `Ali telah mendapat habuannya daripada harta rampasan perang dan ia dengan jelas membuktikan beliau telah turut serta dalam peperangan Badar. Di situlah letaknya kesesuaian hadits ini dengan babnya dan itulah maksud Imam Bukhari mengemukakannya di sini. Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, sebabnya Hamzah berkata: “Kamu semua bukan orang lain, hanyalah hamba-hamba (anak buah) ayahku!”, kerana Nabi s.a.w. dan `Ali ialah cucu `Abdul Mutthalib. Sedangkan beliau sendiri ialah anak `Abdul Mutthalib, bukan cucunya. Hubungan beliau dengan `Abdul Mutthalib lebih dekat berbanding Nabi s.a.w. dan `Ali r.a. Maksud Hamzah berkata begitu ialah untuk berbangga dengan kedudukannya yang hampir dengan `Abdul Mutthalib yang juga merupakan ketua dan pemimpin orang-orang `Arab. Daripada segi itulah dikatakan Rasulullah s.a.w. dan `Ali sebagai hamba-hamba kepada `Abdul Mutthalib. Taujih (pandangan) Hafiz Ibnu Hajar itu seolah-olahnya hendak menjaga Hamzah daripada dikatakan telah menghina Rasulullah s.a.w. Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi tidak bersetuju dengan pandangan Hafiz Ibnu Hajar itu. Kata beliau, taujih seperti itu tidak diperlukan kerana segala ucapan dan tindakan Hamzah telah berlaku ketika beliau sedang mabuk. Beliau tentu tidak berdosa kerananya. Jauh sekali akan terjejas akidah beliau kerananya.

¹⁷² Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Adakalanya harta ghanimah (rampasan perang) berhak diperolehi seseorang dari beberapa sudut. (a) Sebagai salah seorang yang terlibat secara langsung dalam perang, ia memperolehinya daripada empat per lima harta ghanimah. (b) Kerana termasuk dalam senarai orang-orang yang berhak menerima khumus (satu per lima daripada harta rampasan perang), ia mungkin sekali lagi dapat menerimanya. Keadaan inilah yang berlaku kepada Saiyyidina `Ali r.a. Allah berfirman di dalam al-Qur`an:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَأَيْنَ السَّبِيلِ إِن كُنتُمْ ءَامَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّلَاقِ الْجُمُعَاتِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

Bermaksud: Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah dan untuk RasulNya dan untuk kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar) dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (al-Anfaal:41).

(2) Pemilik sesuatu kenderaan (sama ada berupa binatang seperti unta dan sebagainya atau bukan binatang) berhak menggunakannya untuk memunggah barang, menaikinya atau untuk maksud-maksud yang lain. (3) Keharusan mencari rumput, kayu api dan sebagainya untuk memenuhi keperluan hidup di kawasan-kawasan yang bukan merupakan milik peribadi orang tertentu. (4)

Mengadakan kenduri kahwin adalah salah satu sunnah Nabi s.a.w. (5) Keharusan menambat unta dan sebagainya di pekarangan rumah seseorang, jika ia mengizinkan. Lebih-lebih lagi dalam keadaan unta dan lain-lain binatang yang ditambat itu tidak menjejaskan apa-apa kepentingannya. (6) Keharusan menggunakan hak orang lain, khususnya saudara-mara, jiran tetangga atau kawan-kawan, jika diyakini akan kebenaran dan keizininannya. (7) Cerita seseorang yang dipercayai boleh diterima. (8) Tidak salah berhimpun untuk meni'mati minuman dan makanan yang halal. (9) Keharusan menggubah lagu, menyanyi dan bersya'ir selagi ia tidak mengandungi unsur-unsur syirik, lucah dan lain-lain yang terlarang di sisi Syara'. Apabila ia tidak mengandungi unsur-unsur yang terlarang di sisi Syara', maka haruslah juga mendengar dan meni'matinya. (10) Keharusan mendengar lagu yang dinyanyikan oleh wanita. (11) Keharusan menyembelih dengan pedang. (12) Tidak salah dan tidak termasuk dalam israf (sikap boros) memilih makanan kesukaan hati, walaupun ia agak mahal berbanding makanan-makanan yang lain. Di sisi orang-orang 'Arab daging bonggol unta dan hati adalah antara yang teristimewa dan terpilih daripada seekor binatang yang disembelih. (13) Binatang yang disembelih menurut Syara' halal, walaupun tanpa mendapat keizinan tuannya. (14) Keharusan meminta tolong daripada pihak penguasa dan pemerintah. (15) Seseorang pemimpin elok ditemani pembantu dalam usahanya menangani sesuatu masalah yang berlaku dalam masyarakat. (16) Meminta izin sebelum masuk ke dalam rumah orang merupakan salah satu Sunnah Nabi s.a.w. Dalam keadaan ramai, seorang sahaja yang meminta izin sudah mencukupi. (17) Orang mabuk yang belum hilang kesedaran sepenuhnya masih boleh dicela dan dimarahi. (18) Pemimpin atau ketua masyarakat hendaklah berpakaian lengkap dan sempurna apabila hendak turun padang. Hal ini dapat difahami daripada tindakan Rasulullah s.a.w. yang mengambil selendangnya untuk dipakai ketika hendak pergi kepada Hamzah. (19) Keharusan menggunakan perbandingan dan perumpamaan dalam percakapan. Hal ini dapat difaham daripada kata-kata Hamzah "Kamu semua bukan orang lain, hanyalah hamba-hamba ayahku!" Maksudnya ialah kamu semua seperti atau umpama hamba-hamba ayahku. (20) Kata-kata Hamzah itu mengisyaratkan kepada kemuliaan dan ketinggian kedudukan 'Abdul Mutthalib di sisi masyarakat 'Arab di zaman itu. (21) Alasan yang kuat bagi pengharaman arak ialah ia menyebabkan peminumnya hilang 'aql. Seseorang yang hilang 'aql akan hilang juga adab dan kesopanan bercakap. (22) Dengan tujuan mencegah kemungkaran, pihak pemerintah boleh pergi ke rumah mana-mana ra'yatnya, apabila mengetahui ada kemungkaran sedang berlaku di sana. (23) Pemabuk yang merosakkan harta kepunyaan orang lain tetap wajib membayar ganti ruginya. (24) Perhubungan yang baik di antara ra'yat beragama Islam dan bukan beragama Islam di zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. (25) Pekerjaan tukang emas atau tukang besi diharuskan menurut Syara'. (26) Selepas perang Badar pada tahun kedua Hijrah arak masih belum diharamkan. Ia baru diharamkan pada tahun ketiga selepas perang Uhud. (27) Perkahwinan 'Ali dengan Fathimah r.a. telah berlangsung pada tahun kedua Hijrah selepas perang Badar. Sesetengah 'ulama' berpendapat, pada tahun ketiga, tetapi sebelum perang Uhud. (28) Berurusan jual beli dan sebgainya dengan orang-orang kafir, termasuk Yahudi adalah diharuskan. (29) Keharusan membuat persiapan untuk hari perkahwinan dan mengumpulkan duit untuk kenduri kahwin. (30) Banu Qainuqaa' adalah satu kumpulan orang-orang Yahudi yang menetap di Madinah. Merekalah golongan Yahudi yang mula-mula sekali curang dan membatalkan perjanjian ta'at setia kepada Rasulullah s.a.w. sebagai ketua negara Madinah. Merekalah juga golongan Yahudi yang mula-mula sekali memerangi baginda s.a.w. (31)

٤٠٠٠ - حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبَّادٍ أَخْبَرَنَا ابْنُ عُيَيْنَةَ قَالَ أَنْفَذَهُ لَنَا ابْنُ الْأَصْبَهَانِيِّ سَمِعَهُ مِنْ ابْنِ مَعْقِلٍ أَنَّ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ

كَبَّرَ عَلَى سَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ فَقَالَ إِنَّهُ شَهِدَ بَدْرًا

4000 – Muhammad bin `Abbaad<sup>173</sup> meriwayatkan kepadaku, katanya: Ibnu `Uyainah (Sufyan) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hadits ini disampaikan kepada kami oleh Ibnu al-Asfahaani.¹⁷⁴ Beliau mendengarnya daripada Ibnu Ma`qil,<sup>175</sup> (Kata Ibnu Ma`qil): Sesungguhnya `Ali telah bertakbir ke atas Sahal bin Hunaif¹⁷⁶ (ketika mengimami sembahyang jenazahnya). Kemudian beliau berkata: “Sesungguhnya dia telah ikut serta dalam peperangan Badar.”¹⁷⁷

Berusaha mencari harta yang halal untuk memenuhi keperluan dan tuntutan hidup adalah suatu pekerjaan yang mulia menurut Islam.

¹⁷³ Abu `Abdillah adalah kuniannya. Seorang perawi tsiqah dan terkenal. Beliau ialah guru Imam Bukhari. Berasal dari Mekah. Kemudian menetap di Baghdad dan meninggal dunia juga di Baghdad pada tahun 234 Hijrah. Ini saja riwayat beliau yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam Sahihnya.

¹⁷⁴ Beliau ialah `Abdur Rahman bin `Abdillah al-Kufi. Ungkapan Sufyan bin `Uyainah: أَنْفَذَهُ لَنَا ابْنُ الْأَصْبَهَانِيِّ boleh memberi salah satu daripada dua maksud berikut: (1) Ibnu al-Asfahaani telah menyampaikan hadits ini kepada kami dengan sanad yang lengkap. (2) Ibnu al-Asfahaani telah menyampaikan hadits ini dengan mengirimmnya kepada kami melalui surat. Maksud Sufyan berkata begini ialah untuk menyatakan bentuk penerimaan hadits ini daripada Ibnu al-Asfahaani ialah secara mukatabah dan ijazah, bukan dengan cara samaa` atau tahdits.

¹⁷⁵ Nama sebenar Ibnu Ma`qil ialah `Abdullah bin Ma`qil al-Muzani. Ayah beliau, Ma`qil adalah seorang sahabat Nabi s.a.w. `Abdullah bin Ma`qil al-Muzani meninggal dunia pada tahun 88 Hijrah.

¹⁷⁶ bin Wahab al-Anshaari al-Ausi. Rasulullah s.a.w. telah mempersaudarakannya dengan `Ali r.a. Meninggal dunia di Kufah pada tahun 38 Hijrah.

¹⁷⁷ Tidak disebut di dalam riwayat ini bilangan takbir `Ali dalam sembahyang jenazah Sahal. Ia sekadar menyebuntukan `Ali telah bertakbir semata-mata. Berdasarkan riwayat al-Isma`ili, al-Barqaani (Abu Bakr Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin Ghalib m.425H), Haakim, Ibnu `Abdil Barr dan Baghawi, `Ali telah bertakbir sebanyak enam kali (takbir). Sebanyak enam kali juga berdasarkan riwayat Bukhari sendiri, juga daripada Muhammad bin `Abbaad di dalam at-Tarikh al-Kabir beliau. Berdasarkan riwayat Abu Dzar, Sa`id bin Manshur daripada Ibnu `Uyainah pula Saiyyidina `Ali telah bertakbir sebanyak lima kali. Sembahyang jenazah sememangnya mengandungi beberapa kali takbir. Riwayat-riwayat marfu` dan mauquf bahkan ada menyebut 4,5,6,7 malah hingga 9 takbir dalam sembahyang jenazah. Bagaimanapun bilangan kebiasaan takbir Rasulullah s.a.w. di dalam sembahyang jenazah di akhir hayat Baginda ialah empat sahaja. Kata-kata Saiyyidina `Ali r.a. di penghujung riwayat 4000 di atas, bahawa